

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATUK SEJRI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI SABAH, PADA HARI KHAMIS
4HB. APRIL, 1985

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah menjemput saya ke Majlis hari ini.

2. Mungkin hari ini tuan-tuan dan puan-puan melihat saya sebagai isteri kepada Perdana Menteri, tetapi sebagai seorang yang datang dari keluarga yang sederhana, sebagai seorang ibu, dan sebagai seorang yang terlibat dengan tugas dan kerja kebajikan semenjak begitu lama, saya memanglah gemar memperkatakan sesuatu tentang masyarakat kita, termasuklah alam keluarga miskin dan alam kehidupan mereka yang kurang bernasib baik.

3. Saya sedar ibu-ibu daripada keluarga miskin terutama di luar bandar akan memperjuangkan nasib anak-anak mereka dengan sedaya-upayanya. Dengan tekad yang kuat ramai mereka yang berjaya. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil daripada mereka yang gagal atau tidak berjaya memperjuangkan kebajikan keluarga mereka oleh kerana kekurangan pelajaran, kekurangan pengalaman serta faktor-faktor yang di luar kuasa mereka.

3. Di samping itu ramai daripada kita telah melihat sendiri orang-orang tua yang sedikit sebanyak telah menyumbangkan bakti kepada negara dan bangsa, tetapi mereka

hidup dalam keadaan yang tidak begitu selesa. Faktor~faktor yang menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan ini raungkin berpunca daripada faktor-faktor kebudayaan dan ekonomi yang susah hendak diatasi oleh mereka sendiri. Mungkin juga mereka ini mempunyai latarbelakang pelajaran yang kurang, tetapi berkat perjuangan mereka inilah, sedikit-sebanyaknya telah memastikan ramai daripada generasi baru kita mendapat pelajaran yang mencukupi.

4. Walau apapun punca kesusahan dan kemiskinan mereka, masyarakat sekeliling hendaklah menjalankan sesuatu usaha yang positif supaya kesusahan mereka dikurangkan, atau diatasi. Masyarakat sekeliling dalam konteks ini bermakna Kerajaan yang memerintah, badan-badan sosial dan kebajikan, serta setiap individu yang berupaya melakukan sesuatu untuk manfaat masyarakat yang kurang bernasib baik ini.

5. Atas kesedaran ini saya sangat tertarik hati dengan rancangan sosial dan kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah hari ini untuk manfaat anak-anak dari keluarga miskin dan juga orang-orang tua di seluruh Negeri Sabah. Rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah hari ini telah menunjukkan hasil yang sangat memuaskan. Saya difahamkan Kerajaan Negeri Sabah telah memberi pakaian seragam, kasut, alat-alat tulis dan minuman susu secara percuma kepada murid-murid sekolah di negeri ini. Dengan itu, sama ada murid-murid itu daripada keluarga yang berada atau keluarga miskin, mereka berpakaian seragam yang sama kualitinya, begitu juga dengan kasut yang mereka pakai. Tiada perbezaan juga dari segi alat-alat tulis yang mereka gunakan seperti buku tulis, pensil dan pembaris. Mereka menerima minuman susu yang sama, dan dengan itu, seharusnya kanak-kanak dari keluarga miskin tidak akan mempunyai perbezaan kesihatan badan yang terlalu jauh jurangnya dengan rakan-rakan mereka dari keluarga yang lebih bernasib baik. Dengan bantuan seperti ini, mereka tidak akan merasa 'kecil diri dan kecil hati'. Perasaan ini akan

membenihkan sikap yang lebih positif terhadap masyarakat dan negara. Saya difahamkan juga bahawa kehadiran murid-murid di sekolah semakin meningkat di Sabah dan salah satu faktornya ialah hasil dari rancangan bantuan ini.

6. Saya gembira juga dengan usaha-usaha memperjuangkan kehidupan orang-orang tua di Negeri ini. Skim bantuan orang-orang tua, yang memperuntukkan bantuan wang bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan tanpa pendapatan tetap, adalah satu usaha yang boleh dibanggakan. Bagi mereka yang berada, wang bantuan itu mungkin kurang bermakna, tetapi bagi mereka yang sangat-sangat memerlukannya, bantuan itu akan membantu kehidupan mereka.

7. Di samping itu, saya difahamkan Kerajaan Negeri Sabah ini telah juga menjalankan berbagai rancangan sosial dan kebajikan yang lain untuk manfaat penduduk yang kurang bernasib baik di seluruh Negeri ini. Pendek kata kita semua haruslah merasa bangga dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini bagi memperjuangkan kehidupan dan masa depan mereka yang kurang bernasib baik.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Rakyat negeri Sabah adalah bernasib baik juga oleh kerana pemimpin-pemimpin Sabah mengambil berat tentang kebajikan rakyat Negeri ini. Apatah lagi badan-badan Kerajaan di Negeri ini, seperti Yayasan Sabah, adalah sangat aktif menyusun program-program yang bermanfaat untuk masyarakat di sini.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah di atas usaha-usaha kebajikan yang cemerlang ini. Saya percaya usaha-usaha murni Kerajaan ini patutlah disokong oleh semua lapisan rakyat. Dengan sokongan yang tidak berbelah bagi ini sahajalah, maka akan dapatlah Kerajaan Negeri Sabah

menjalankan usaha-usaha selanjutnya untuk manfaat kita bersama.

10. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur perjumpaan hari ini yang telah memberi peluang kepada saya berucap. Saya juga mengucapkan selamat sejahtera kepada para hadirin sekalian semoga kita berusaha untuk memperjuangkan nasib keluarga, masyarakat dan negara kita.

Terima kasih.
